

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HIS 401 Fiqah al-Munakahat: Perkahwinan dan
Kekeluargaan Islam

Masa: [3 jam]

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM
TIGA [3] HALAMAN.**

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja. DUA [2] soalan daripada
setiap Bahagian A dan B.

Semua jawapan mestilah disertakan dalil-dalil dari al-Qur'an
dan al-Hadith.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Konsep dan falsafah perkahwinan di dalam Islam menjadi teras kepada pembinaan sesebuah institusi keluarga. Berdasarkan pernyataan ini huraikan dua daripada perkara-perkara berikut:
 - [a] Asas-asas kebahagian sesebuah keluarga mempunyai hubungan rapat dengan tanggungjawab suami dan isteri.
 - [b] Kerukunan sesebuah keluarga bergantung rapat dengan sifat-sifat kepimpinan yang diamanahkan oleh Islam kepada para suami.
 - [c] Kerjasama isteri dianggap penting dalam menentukan kestabilan sesebuah keluarga.

.../2

2. Rasul Allah s.a.w. menegaskan melalui sabdanya yang bermaksud:

"Wanita dikahwini kerana empat sebab; kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikan rupa parasnya, kerana agamanya, pilihlah kerana agamanya nescaya anda aman bahagia".

Berdasarkan maksud hadith di atas huraikan dua perkara berikut:

- [a] Istilah agama yang tertera di dalam maksud hadith tersebut
- [b] Faktor harta secara mutlak.

3. Bincangkan beberapa persoalan di bawah secara ilmiah:

- [a] A dan B berkahwin. Enam bulan kemudian berlaku perceraian tanpa sebarang lafaz talak dan ketika itu bayi di dalam kandungan B sudah masuk enam bulan. 18 tahun kemudian A bertemu dan berkahwin dengan anak B yang dihasilkan bersama antara A dan B melalui perkahwinan mereka dulu.
- [b] X berkahwin dengan Y kemudian berlaku perceraian tanpa mengadakan persetubuhan. Suatu ketika, Y berkahwin dengan seorang lelaki dan menghasilkan seorang anak perempuan bernama Z. Ketika Z berusia 20 tahun ia bertemu jodoh dengan X.
- [c] Si B bercerai talaq tiga dengan si C. Untuk kembali bersatu disyaratkan si C berkahwin dengan lelaki lain terlebih dahulu, setelah suami kedua si C menceraikannya, dapatlah si B kembali berkahwin dengan si C. Seorang lelaki India Muslim bersedia untuk mengambil si C sebagai isteri, sesudah tiga bulan berkahwin suami kedua si C menceraikannya tanpa berkesempatan mengadakan persetubuhan kerana sentiasa diugut oleh si B.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. Perkahwinan poligami mempunyai beberapa hikmah yang tersirat. Berdasarkan poligami yang diamalkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. bincangkan perkara-perkara berikut:

- [a] Tanggapan anda terhadap poligami masakini.
 - [b] Konsep keadilan yang dituntut oleh Islam kepada lelaki yang berpoligami.
 - [c] Galakan berpoligami yang diperkenalkan oleh sesetengah pihak di dalam masyarakat Malaysia.
5. Bincangkan perbezaan-perbezaan pokok serta kemukakan contoh-contoh bagi setiap perkara di bawah:
- [a] Talaq
 - [b] Fasakh
 - [c] Khulu'
6. Jawab soalan-soalan berikut:
- [a] Berikan takrif 'iddah.
 - [b] Huraikan status 'iddah-'iddah berikut:
 - i. 'Iddah wanita yang masih berhaid.
 - ii. 'Iddah wanita yang telah putus haid dan 'iddah kanak-kanak yang belum ada haid.
 - iii. 'Iddah wanita yang kematian suami.
 - iv. 'Iddah wanita yang sedang hamil.

-ooo000ooo-